

CNS6225

U GB 21-12 00203 BB671

AAB

Mahathir - Raja

Daripada Wan A. Hulaimi

I

LONDON, 21 Dis (Bernama) -- Raja-raja tidak terkecuali daripada kritikan, walaupun tuntutan bagi penghapusan mereka merupakan hasutan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada akhir lawatan peribadinya ke sini.

Itulah yang difahaminya mengenai Akta Hasutan selepas mendapatkan nasihat undang-undang, kata Datuk Seri Dr Mahathir, dan dalam keadaan sekarang undang-undang itu tidak perlu diubah.

UMNO, katanya, sedang menghantar rombongan yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, untuk menjelaskan kepada raja-raja mengenai perasaan yang dizahirkan semasa perhimpunan agung UMNO baru-baru ini.

Semasa menjelaskan lagi mengenai ucapannya kepada sekumpulan pelajar Malaysia di Malaysia Hall awal minggu ini, Datuk Seri Dr Mahathir menekankan bahawa bukanlah hasrat UMNO untuk menghapuskan sistem Raja Berperlembagaan kerana ia satu sistem yang baik dan berguna.

Tetapi, i adalah satu kesilapan bagi raja-raja untuk melibatkan diri secara langsung dalam politik kepartian, dan menjadi kesilapan juga bagi mereka mencemar nama negara.

Memandangkan yang isu itu sekarang telahpun diperdebatkan pada perhimpunan agung UMNO itu, maka perlulah disedari bahawa ia tidaklah mudah baginya berlalu dengan cepat, dan penting juga bagi raja-raja mengambil perhatian mengenainya. -- Lagi

♥21/12/23-54MST

CNS6231  
U GB 22-12 00155 BH486  
AAB

Mahathir - Raja 2 London

Ketika bercakap kepada para wartawan Malaysia yang berpejabat di London pada perjumpaan sarapan pagi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, semasa berada di sini beliau juga telah mengunjungi Perdana Menteri Britain yang baru, Encik John Major di Downing Street bagi meneruskan hubungan baik antara Malaysia dan United Kingdom.

Dalam perjumpaan itu, yang berlangsung selama hampir sejam, mereka berbincang mengenai topik-topik kepentingan bersama dan isu-isu sedunia termasuk keadaan di Teluk.

Beliau juga telah memberi taklimat kepada Perdana Menteri Britain itu mengenai keadaan di Asia, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau berharap akan menemui Encik Major sekali lagi pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang dijadualkan pada lewat Januari depan.

Ada cadangan untuk menukar tarikh tersebut kerana keadaan genting di Teluk, kata Datuk Seri Dr Mahathir tetapi sebagai pengerusi mesyuarat beliau berpendapat ia harus diadakan seperti yang dijadualkan. -- Lagi

♥22/12/00-03MST

CNS6234  
U GB 22-12 00176 BH487  
AAB

Mahathir - Raja 3 London

Ketika ditanya apa perubahan yang Malaysia ingin melihat di dalam Komanwel, katanya, beliau lebih suka melihat keputusan diterima mengikut persetujuan majoriti daripada secara sepakat seperti yang diamalkan sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang tiba di sini Ahad lepas, juga telah mengadakan perjumpaan dengan bekas Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher.

Presiden syarikat Mitsubishi dari Jepun, Encik N. Nakamura juga telah datang ke sini dari Tokyo untuk mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir.

Mereka berbincang mengenai program kerjasama antara Mitsubishi dan Hicom, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga telah melawat perunding rekabentuk kenderaan, Hauthal Whiting di Essex, di luar bandaraya London.

Pada hari Khamis, kakitangan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom telah mengadakan majlis sambutan hari jadi yang ke-65 Datuk Seri Dr Mahathir di tempat tinggalnya.

Beliau telah berjogging di Royal Garden pada sebelah pagi sebelum menyertai kakitangan Suruhanjaya Tinggi Malaysia dan para wartawan untuk bersarapan sebelum berlepas pulang ke tanahair. -- Bernama

♥22/12/00-19MST